

4

10 DOMAIN UTAMA KOMPETENSI KEUSAHAWANAN

Mohd. Suflī Yusof dan Shamsul Huda Abd Rani

Individu yang menceburi bidang keusahawanan dan menjadi usahawan perlu melengkapkan diri dengan pelbagai bentuk kemahiran dan keupayaan. Hal ini penting untuk diberikan perhatian kerana kemahiran dan keupayaan inilah yang akan membantu usahawan untuk berjaya di dalam kegiatan keusahawanannya. Antara bentuk kemahiran dan keupayaan yang mustahak kepada usahawan adalah kompetensi. Ia merupakan satu bentuk keupayaan yang dapat dibangun dan dibentuk di dalam diri seseorang individu. Untuk perbincangan pada ini, tumpuan akan diberikan ke atas kompetensi. Pemahaman yang baik tentang konsep dan 10 domain utama kompetensi akan dapat membantu kita merancang dengan berkesan dalam usaha membina dan menyemai kompetensi dalam diri kita sendiri atau orang lain.

KONSEP KOMPETENSI

Menurut Wikipedia, kompetensi merupakan suatu pialai yang diperlukan untuk membolehkan seseorang individu itu melaksanakan sesuatu kerja yang spesifik dengan cara yang terbaik. Ia merangkumi kombinasi pengetahuan, kemahiran dan perilaku yang digunakan untuk meningkatkan prestasi. Umumnya, kompeten ialah keadaan atau kualiti yang bersesuaian atau selayaknya, memiliki kebolehan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang spesifik, sebagai contoh kompetensi pengurusan meliputi sifat-sifat unggul sistem pemikiran dan kecerdasan emosi dan kemahiran-kemahiran dalam mempengaruhi dan menjalankan perundingan. Seseorang individu itu dilihat kompeten apabila beliau memiliki kemahiran, kebolehan dan pengetahuan yang

membentuk kompeten tersebut dalam diri mereka, membolehkan mereka melaksanakan tindakan yang efektif dalam persekitaran kerja. Kompetensi dari segi set-set perilaku yang seseorang perlu pamerkan untuk menjadi kompeten, juga boleh dirujuk kepada ciri-ciri dasar seseorang yang mungkin sebagai motif, sifat khusus, kemahiran, aspek-aspek imej sendiri atau peranan sosial, atau badan pengetahuan.

Definisi-definisi ini boleh dikategorikan kepada tiga pendekatan khusus iaitu i) pendekatan berorientasikan pekerja, ii) pendekatan berorientasi kerja, dan iii) pendekatan berbagai-bagai dimensi. Kompetensi juga boleh didefinisikan sebagai ciri-ciri yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, kemampuan dan bentuk-bentuk perilaku dan kemahiran insaniah yang berkait dengan pembangunan modal insan. Kompetensi pada peringkat individu usahawan boleh dilihat dalam pelbagai dimensi. Ia termasuklah dari dimensi input, proses, output dan jaringan. Menurut Boyatzis (2008), dari dimensi input, penekanan utama adalah terhadap ciri-ciri individu yang berbeza-beza, termasuklah sikap, psikologi khusus, mentaliti, kesungguhan, pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kemampuan seseorang usahawan. Pelbagai ciri secara luasnya boleh dikategorikan kepada domain sifat, kemahiran dan boleh dipengaruhi oleh latar belakang individu seperti umur, pendidikan dan tempoh masa bekerja.

Dari dimensi proses pula, kajian McClelland (1987) memberi fokus terhadap tugas atau gelagat yang dimiliki oleh usahawan tersebut. Kompetensi keusahawanan dari perspektif proses akan membolehkan mereka lebih rapat dan mudah dikaitkan dengan prestasi firma. Dimensi hasil pula sering kali memberi penekanan terhadap pencapaian papaian kompeten dalam bidang-bidang fungsian pengurusan. Dalam bidang keusahawanan, tumpuan terhadap hasil terutamanya latihan dan pembangunan, bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi-kompetensi yang perlu untuk dimasukkan ke dalam pendidikan dan latihan atau mengesahkan tentang keberkesanan program-program latihan keusahawanan untuk usahawan yang sedia ada ataupun kepada bakal-bakal usahawan. Dari perspektif dimensi jaringan atau hubungan pula, kompetensi bukan sahaja bergantung kepada ciri-ciri personal